

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan metodologi dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Objektif dan kepentingan kajian ini akan dibincangkan sebagai mukadimah bab ini. Bagaimanapun ia telah dibincangkan secara terperinci dalam Bab 1. Seterusnya, bahagian penilaian dan penskalaan akan diterangkan. Kemudian disusuli oleh huraihan mengenai corak kajian dan metodologi pengumpulan data. Akhirnya, teknik penganalisaan data akan dibincangkan secara terperinci.

3.2 Penilaian dan Penskalaan

Borang kaji-selidik yang disediakan mengandungi soalan-soalan yang bersifat lebih terbuka agar responden tidak berasa bosan atau mengalami kekeliruan. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berlandaskan kehendak atau objektif kajian (akan dibincangkan secara terperinci dalam topik 3.4.1.1). Penilaian dan penskalaan borang kaji-selidik boleh dibahagikan kepada 3 metodologi yang berbeza.

Metodologi pertama merupakan soalan-soalan berbentuk mengisi tempat tempat kosong dan menandakan “ / ” pada tempat yang berkenaan. Para responden dikehendaki mengisikan tempat kosong dan menandakan “ / ” pada tempat yang bersesuaian agar maklumat am mengenai responden dapat dikumpulkan. Seterusnya, soalan-soalan mengenai pengetahuan asas yang berkaitan dengan teknologi maklumat

dan perdagangan elektronik disertakan. Para responden hendaklah menjawabnya berdasarkan skala biasa dan mudah yang diberikan. Untuk mengetahui tentang penggunaan perdagangan elektronik secara khususnya oleh responden, skala Likert digunakan. Markah bermula daripada 1 hingga 5 diperuntukkan untuk mengetahui kekerapan para responden menggunakan komponen-komponen perdagangan elektronik. Skala markah 1 merupakan paling jarang dan skala markah 5 merupakan sangat kerap menggunakan. Ini akan menjadi metodologi yang ketiga.

Borang kaji-selidik dibentuk dengan soalan-soalan yang mudah difahami dan senang dijawab oleh semua agar ia tidak membosankan para responden. Tambahan lagi, penggunaan metodologi mengisi tempat kosong dan menandakan skala markah 1 hingga 5 menjimatkan masa responden serta memudahkan proses penganalisaan data. Oleh kerana, hasil kajian melibatkan pendapat responden maka, adalah lebih sesuai digunakan penilaian persepsi.

3.3 Corak Kajian

Kajian ini tertumpu kepada beberapa bidang yang khusus seperti peruncitan, pemborong, sektor awam, sektor swasta dan ahli akademik (pelajar). Para responden akan dipilih berdasarkan bilangan yang ditetapkan bagi setiap kategori tersebut. Mereka ini terdiri daripada pelbagai kumpulan seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, bangsa, kelayakan akademik, pekerjaan dan juga pengalaman menghadiri seminar berkaitan dengan perdagangan elektronik.

Populasi kajian ini adalah terhad kepada peruncit kecil, pemberong, pekerja swasta, pekerja awam dan pelajar universiti. Seramai 100 responden telah dipilih secara rawak daripada kesemua kumpulan tersebut.

Prosedur-prosedur seperti di bawah telah diamalkan untuk melakukan persampelan terhadap populasi kajian:

- a) tempat-tempat responden bekerja atau berada setiap masa dikenal-pasti
- b) bagi pekerja swasta dan kerajaan kebenaran daripada Ketua Jabatan atau Pengarah Eksekutif diperolehi secara verbal untuk melakukan kaji selidik
- c) bagi peruncit kecil dan pemberong, penulis telah menghubungi individu-individu berkenaan yang ingin terlibat dalam kajian ini secara sukarela di premis (tempat kerja) masing-masing
- d) bagi pelajar-pelajar universiti, sukarelawan dipilih di kawasan sekitar kampus untuk dilibatkan dalam kajian
- e) setelah para responden dipilih dan dikenalpasti tempat mereka bekerja, borang soal-selidik diedarkan secara peribadi mengikut bilangan yang telah ditetapkan serta pada masa yang sesuai (yang dipersetujui oleh responden)
- f) taklimat ringkas telah diberikan kepada mereka yang tidak berapa jelas mengenai kandungan borang soalselidik
- g) waktu yang sesuai telah dipilih dan responden diberikan masa yang memadai untuk mengisi atau menjawab borang kajiselidik
- h) borang soalselidik yang diedarkan telah dikutip pada hari yang sama setelah responden selesai mengisinya

Kajian yang berbentuk deskriptif atau huraian ini bertujuan untuk menghuraikan tentang tahap pengetahuan perdagangan elektronik dan perkembangannya di Malaysia. Metodologi perbandingan digunakan memperkuuhkan lagi hujah-hujah dalam kajian ini.

3.4 Borang Kaji-Selidik (Questionnaire)

Borang kaji-selidik untuk kajian ini dibentuk berdasarkan objektif dan kehendak kajian. Borang kaji-selidik ini terdiri daripada 80% soalan struktur dan 20% soalannya berbentuk soalan terbuka. Bahagian pertama borang kaji-selidik berkenaan adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat am mengenai latar belakang individu atau responden. Selain itu, pengetahuan asas mengenai teknologi maklumat dan perdagangan elektronik para responden juga dapat dinilai. Taburan soalan dalam borang kajiselidik adalah seperti berikut:

BAHAGIAN	TABURAN SOALAN
A. MAKLUMAT PERIBADI	6
B. MAKLUMAT MENGENAI PENGETAHUAN PERDAGANGAN ELEKTRONIK	6
C. PERSPEKTIF UMUM	6
D. MAKLUMAT MENGENAI KESEDARAN PERDAGANGAN ELEKTRONIK	3
JUMLAH	21

Jadual 3.1 Taburan Soalan Dalam Borang Kajiselidik

Data yang dapat dikumpulkan daripada borang kaji-selidik ini digunakan untuk menilai perkembangan perdagangan elektronik di Malaysia secara amnya.

Potensi perdagangan elektronik di Malaysia juga akan dipertimbangkan berdasarkan data-data yang diperolehi daripada borang kaji-selidik. Kesedaran dan penggunaan teknologi maklumat di Malaysia juga dapat dinilai berdasarkan maklum-balas daripada responden.

3.5 Data Sekunder

Maklumat-maklumat yang dibincangkan dalam Bab 1 dan Bab 2 secara amnya merupakan data-data sekunder. Pelbagai sumber telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan. Rujukan-referensi secara terperinci terhadap topik-topik kajian memberikan pengetahuan yang luas mengenai bidang kajian. Tetapi, bukan kesemua rujukan boleh digunakan di dalam laporan kajian kerana kebanyakannya tidak berkaitan atau tidak relevan dengan persoalan kajian.

3.6 Buku, Jurnal, Majalah, Suratkhabar dan Internet

Maklumat-maklumat asas mengenai teknologi maklumat, MSC, saranan kerajaan, dasar-dasar dan perdagangan elektronik diperolehi daripada sumber sekunder yang biasa, iaitu daripada buku, jurnal, majalah, suratkhabar dan internet. Sumber-sumber ini bukan sahaja dikumpulkan daripada Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya, malah perpustakaan di Multimedia Development Corporation (MDC), Putrajaya dan Perpustakaan Utama Universiti Sains Malaysia juga digunakan.

Selain itu, pencapaian dan kemajuan teknologi maklumat yang canggih membolehkan banyak data sekunder dalam dan luar negara diperolehi secara talian terus melalui laman-laman web dan kemudahan CD-ROM. Segala sumber yang dikutip dan digunakan dalam penyediaan laporan kajian ini disenaraikan dalam bibliografi.

3.7 Pameran

Pameran yang dikenali sebagai Globaltronics '98 yang telah diadakan di Hotel Equatorial, Pulau Pinang daripada 16 hingga 19 Jun 1998 telah membekalkan pelbagai maklumat untuk kajian ini. Maklumat-maklumat berkenaan amat berguna dalam menjadi bahan rujukan khusus untuk beberapa topik dalam kajian ini.

3.8 Analisis Data

Data yang diperolehi akan diuraikan berdasarkan beberapa contoh yang berkaitan. Metodologi huraihan ini amat berguna semasa memberikan analisis mengenai latar belakang responden dan tahap pemahaman mengenai teknologi maklumat dan perdagangan elektronik. Borang kaji-selidik yang dikumpul, dianalisa berdasarkan keperluan dan objektif kajian. Pengaturan topik dan pengorganisasian isi amat bergantung kepada maklumat yang dikumpulkan daripada kedua-dua sumber berkenaan iaitu, sumber primer dan sekunder.

Oleh kerana kebanyakan soalan yang dikemukakan di dalam borang kaji selidik adalah lebih bersifat terus dan terbuka, maka penulis tidak menghadapi

masalah yang besar dalam menganalisa data. Walaupun terdapat soalan yang memerlukan pengiraan kuantitatif, tetapi huraian analisa akan diberikan berdasarkan pemahaman penulis terhadap maklum-balas responden. Statistik deskriptif akan diberikan untuk menerangkan tahap pemahaman responden terhadap persoalan dalam borang kaji selidik.